

# 6 belia wakil negara ke Pertandingan Kemahiran Dunia



Oleh Mona Ahmad  
mona@bharian.com.my

**E**NAM belia dari Malaysia bakal mewakili negara dalam Pertandingan Kemahiran Dunia di Kanada tahun depan.

Mereka adalah antara kira-kira 300 peserta yang menyertai Pertandingan Kemahiran Peringkat Asean (ASC) ke-7 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 14 hingga 16 November lalu.

Selain enam belia yang memenangi pertandingan kemahiran dalam bidang pembuatan bata, teknologi automotif, pemasangan elektrik, plumbung dan elektronik industri itu, 19 lagi belia Malaysia turut membawa pulang pingat masing-masing iaitu tujuh perak, lima gangsa, manakala selebihnya Diploma Kecemerlangan menerusi rekaan masing-masing.

Pengerusi ASC ke-7 yang juga Ketua Kontinjen Malaysia, Dato' Seri Dr Abdul Munir Kasmin, berkata tujuan utama pertandingan itu diadakan adalah untuk men-



**MENTERI** Kerjaya, Dato' Ir Mohd Zin Mohamed menyampaikan hadiah kepada peserta Malaysia.

cungkil bakat belia dan menaikkan taraf belia yang berkemahiran.

"Masyarakat sering memandang rendah terhadap mereka yang tidak memiliki pencapaian akademik walaupun mempunyai kemahiran.

"Sedangkan sumbangan mereka dalam masyarakat sama pentingnya. Justeru, pertandingan ini dilihat dapat menaikkan taraf kedudukan mereka yang berkemahiran kerana ia adalah kunci

untuk meneruskan kehidupan," katanya yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Kerjaya.

Beliau berkata, pertandingan peringkat Asean diadakan dua tahun sekali manakala pada peringkat kebangsaan dilangsungkan setiap tahun menerusi pertandingan Anugerah Tangan Emas.

Dr Abdul Munit mengucapkan terima kasih semua pihak yang terbabit dalam penganjuran ASC ke-7.

**“**Saya berharap pertandingan ini dapat membuka mata semua pihak mengenai sumbangan bidang kemahiran terhadap masyarakat”

**Meor Muhammad  
Suhaimi Meor  
Muhammad**  
Pelatih Pusat Giat Mara  
Sungai Siput, Perak

**“**Saya bersyukur kerana mendapat pingat emas Pertandingan Kemahiran Peringkat Asean menerusi binaan Menara Kuala Lumpur, lambang bunga raya dan lambang Asean”

**Saiful Junaidi**  
Pelatih di Pusat Giat Mara  
Saratok, Sarawak

## INFO

### Senarai pemenang pingat emas Malaysia

- Norazfar Haniff Mazlan - Teknologi Automotif
- Mohd Saiful Mat Nor - Penerap Bata
- Saiful Junaidi - Penerap Bata
- Meor Muhammad Suhaimi Meor Muhamad - Pemasangan Elektrik
- Hue Kai Hong - Elektronik Industri
- Clamence Anak Bertam - Plumbung

## INFO

### Senarai pemenang pingat perak Malaysia

- Sukrizal Ujang - Teknologi Automotif
- Johanness Juman Usen - Pembuatan Kabinet
- Ahmad Firdhaus Kamal - Pembuatan Kabinet
- Mohd Saiful Anis Busu - Pemasangan Elektrikal
- Suza Azlina Alias - Pembuat Pakaian Wanita
- Mohd Ikrawmy Omar - Mekatronik
- Lim Kok Hong - Mekatronik
- Redzuan Mad Hashim - Kimpalan

## INFO

### Senarai pemenang pingat gangsa Malaysia

- Stephanie Andrea A/p R A Hirudhayadhas - Terapi Kecantikan
- Khairunnisa' Hamdan - Terapi Kecantikan
- Benedict Anak Pasuh - Plumbung
- Mohd Faizol Mat Seman - Pemasangan Lantai dan Dinding
- Mohd Azuan Aziz - Pemasangan Dinding dan Lantai

### Diploma Kecemerlangan

- Raja Shariff Hidayatullah Raja Sharifuddin - CADD
- Izzul Fadzli Zulkeffi - Teknologi Rekaan Grafik
- Sanusi Abdullah - Joinery
- Mohd Munis Isyafiq Ali - Penyejukbekuan
- Mohd Azlan Wasiran - Penyejukbekuan
- Mohd Razzif Mat Rasidi - Kimpalan